

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1992/93

April 1993

HIT 402 Sains Dalam Islam

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DALAM TIGA [3] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan. Anda DIWAJIBKAN menjawab SATU [1] soalan daripada setiap Bahagian A, B, C dan D.

Tiap-tiap jawapan bagi setiap satu bahagian itu MESTILAH dijawabkan di dalam buku yang berasingan.

Di akhir peperiksaan anda mesti menghantar empat [4] jawapan daripada empat bahagian yang BERLAINAN dalam EMPAT BUKU atau EMPAT IKATAN JAWAPAN YANG BERASINGAN.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - Jawab SATU [1] soalan

1. Mengikut pandangan Profesor Osman Bakar di dalam artikelnya "The Unity of Science and Spiritual Knowledge: The Islamic Experience," di dalam buku Tawhid and Science, bahawa Sains yang difahami dalam tamaddun zaman awal seperti tamaddun-tamaddun China, India dan Islam adalah berbeza dari sains zaman moden dari segi matlamat, metodologi, sumber inspirasi, asumsi falsafah mengenai insan, ilmu dan realiti alam tabi'i serta kedudukan sains dalam hubungan dengan ilmu-ilmu yang lain. Bahaskan pandangan ini dengan mengambil kira semangat sains dalam tradisi Islam.

ATAU

2. Bincangkan dengan kritis perkara-perkara berikut:

- (a) Pengintegrasian ilmu-ilmu, khususnya bidang sains, dari tradisi-tradisi Greek/Yunani, Rom/Romawi, Mesir/Iskandariah, Parsi/Sasaniyah, India dan China ke dalam tradisi keilmuan Islam oleh para ilmuan Muslim zaman awal.

- (b) Sains mestilah tunduk kepada, dan dikawal oleh, 'aqidah Islam.

BAHAGIAN B - Jawab SATU [1] soalan

3. Di dalam Islam manusia dikehendaki memainkan peranan selaku hamba dan khalifah Allah di muka bumi. Pandangan yang demikian mempunyai pengaruh dan kesannya ke atas sains dan teknologi yang jauh berbeza daripada pengaruh dan pandangan sekular. Bincangkan.

ATAU

4. Kejadian manusia adalah salah satu tema utama yang disentuh di dalam al-Qur'an. Sebutkan mana-mana dua [2] ayat al-Qur'an yang berkenaan dan bincangkan tafsirannya menurut perkembangan sains moden.

BAHAGIAN C - Jawab SATU [1] soalan

5. (a) Bahaskan konsep evolusi dari perspektif Islam khususnya mengenai penciptaan insan pertama.  
(b) Tulis satu esei pendek mengenai saintisme dan jelaskan pandangan Islam terhadap faham tersebut.

ATAU

6. Bincangkan dua [2] perkara berikut:

- (a) Pemanasan global  
(b) Hujan asid  
(c) Penghakisan Ozon

Bincangkan juga langkah-langkah bagi mengatasi masalah-masalah tersebut di atas.

BAHAGIAN D - Jawab SATU [1] soalan

7. Sebut dan bincangkan secara kritis beberapa penyakit akibat gaya hidup dan penyakit akibat persekitaran. Cadangkan bagaimana isu ini dapat ditangani secara Islam.

ATAU

8. Bincangkan implikasi penterapan pandangan semesta sains Islam dan pandangan semesta sains Barat moden ke atas ilmu perubatan. Kemudianuraikan masalah-masalah tersebut yang melibatkan etika perubatan dan fiqh Islam.

-oooooooo-